



MOHAMAD beramah mesra dengan sebahagian daripada pembeli PPR Taman Baiduri, Rantau.

Penantian dua tahun berakhir

94 penerima PPR Taman Baiduri bakal peroleh kunci rumah selewat-lewatnya akhir tahun ini

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Selepas dua tahun menunggu, 94 penerima Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Baiduri, Rantau, di sini, akhirnya bakal menerima kunci rumah masing-masing selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rantau Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, pihaknya sudah menemui Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican bagi menyelesaikan masalah agihan rumah itu.

Katanya, beliau juga dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri

pada Jun lalu bersetuju supaya projek berkenaan ditawarkan kepada pembeli melalui kaedah sewa beli dan bukan konsep sewaan.

“Projek PPR Rantau ini siap pada 2019 dan sudah dibuat pengundian kepada mereka yang memohon, namun penerimanya masih tidak diberi kunci.

“Ia sudah lama tersangkut dan menerusi dasar baharu, projek ini hanya untuk sewaan sahaja, tetapi saya membantah kerana hasrat kita untuk “kaedah sewa beli dan bukannya sewa,” katanya selepas sesi penerangan dan minum petang bersama pembeli PPR Taman Baiduri, kelmarin.

Menurutnya, pembangunan PPR itu adalah kerjasama antara kerajaan negeri selaku penyedia tanah

dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membangunkannya.

“Harga seunit rumah adalah pada kadar RM35,000, berbanding harga sebenar RM150,000 dengan kerajaan memberi subsidi lebih RM100,000 bagi setiap unit,” katanya.

Mohamad berkata, melalui keputusan Jemaah Menteri itu, bermakna projek perumahan itu tidak akan dijual kepada kerajaan negeri seperti cadangan asal, sebaliknya KPKT menguruskan sepenuhnya hingga penyerahan kunci rumah kepada pembeli.

“Saya menjangkakan semua pembeli projek PPR terbabit akan dapat memasuki rumah masing-masing pada awal tahun hadapan,” katanya.